

-MEMORANDUM-

TARIKH : 06 OKTOBER 2022 / 09 RABIULAWAL 1444H
KEPADA : JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF
SELANGOR MUAMALAT (JPB WSM)
DARIPADA : URUSETIA WAKAF SELANGOR MUAMALAT
PERKARA : LAPORAN SUKU TAHUN KEDUA 2022 WAKAF SELANGOR
MUAMALAT (APRIL - JUN 2022)

1.0 OBJEKTIF

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk memaklumkan kepada pihak JPB WSM tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh WSM serta jumlah kutipan dan penggunaan dana WSM bagi suku tahun kedua 2022 iaitu dari bulan April sehingga Jun 2022.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pengenalan:

Wakaf Selangor Muamalat (WSM) merupakan jalinan kerjasama antara Perbadanan Wakaf Selangor dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menguruskan dana Wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf Selangor Muamalat (WSM) akan menumpukan kepada aktiviti dan projek wakaf dalam dua segmen iaitu kesihatan dan pendidikan. Dana wakaf ini juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

3.0 Jumlah Kutipan Bulanan WSM (April - Jun 2022):

TAHUN	BULAN	KUTIPAN BULANAN (RM)	JUMLAH BULANAN (RM)
Baki Dana Semasa WSM sehingga 31/3/2022			9,738,188.90
2022	April	74,691.33	299,156.04
	Mei	63,165.46	
	Jun	161,299.25	
JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 30/6/2022 (A)			10,037,344.94

4.0 Pengeluaran Dana WSM (April - Jun 2022):

JPB telah meluluskan pengeluaran dana WSM dari bulan April sehingga Jun 2022 seperti berikut:

BIL	PROJEK WSM	TARIKH PENGELUARAN	AMAUN KELUAR (RM)
I	Projek WSM		
Kesihatan & Pendidikan			
1	Hospital UPM (Alam Medik)	April 2022	20,700.00
2	KPJ Perdana (Pam Air)	April 2022	770.00
3	KPJ Perdana & KPJ Damansara (Renew Roadtax & Insuran)	April 2022	2,821.00
4	Penyelenggaraan KPJ Perdana (Soon Heng Motors)	Mei 2022	628.45
5	Hospital Kajang (Schmidt Biomedtech)	Jun 2022	49,999.00
6	Caj Perkhidmatan	April-Jun 2022	0.40
II	Pengurusan (Penggunaan Dana Manfaat)		
1	Caj Penyelenggaraan GM Klang	April 2022	4,464.72
2	Caj tertunggak penyelenggaraan GM Klang (April & Mei)	Jun 2022	13,659.96
4	Caj Perkhidmatan	April & Jun 2022	0.20
Jumlah Pengeluaran (B)			93,043.73
JUMLAH DANA SEMASA WSM SEHINGGA 30/6/2022 (A - B)			9,944,301.21

5.0 Aktiviti WSM (April - Jun 2022):

WSM tidak mengadakan aktiviti atau majlis penyerahan dalam tempoh April sehingga Jun 2022.

6.0 KESIMPULAN

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan kepada JPB berkenaan aktiviti-aktiviti WSM yang telah dijalankan, jumlah kutipan, dan jumlah pengeluaran dana WSM bagi suku tahun kedua 2022 iaitu dari bulan April sehingga Jun 2022.

7.0 TANDATANGAN & NAMA

<p>Disediakan oleh</p>  <hr/> <p>(Zulfikri bin Shuib) Urusetia JPB - BMMB Tarikh: 6 Oktober 2022</p>	<p>Disemak oleh</p>  <hr/> <p>(Wan Nuraihan bt Hj Ab Shatar) Urusetia JPB - BMMB Tarikh: 6 Oktober 2022</p>
<p>Disemak oleh</p>  <hr/> <p>MOHD HAFIZ BIN ISMAIL Pengurus Kewangan Perbadanan Wakaf Selangor</p>	

19/12/22